

81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**  
**KAWASAN** : **KUALA KRAI**  
**TARIKH** : **23 NOVEMBER 2017**  
**NO. SOALAN** : **38**

**SOALAN**

Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Malaysia sudah kehilangan kawalan ke atas pembuat kereta Nasional PROTON apabila jawatan CEO syarikat diserahkan kepada Dr. Li Chunrong, wakil syarikat Geely Holding Group dari negara China.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2012 lagi, PROTON telah menjadi sebuah syarikat swasta secara sepenuhnya apabila dimiliki 100% oleh syarikat DRB-HICOM Berhad. Pada 24 Mei yang lepas, syarikat DRB-HICOM telah mengumumkan Geely sebagai rakan kongsi strategik PROTON dengan penjualan ekuiti sebanyak 49.9% walau bagaimanapun syarikat DRB-HICOM kekal sebagai pemegang ekuiti terbesar sebanyak 50.1%. Pengumuman ini adalah selaras dengan salah satu syarat bagi pinjaman mudah bernilai RM1.5 bilion yang diluluskan Kerajaan kepada PROTON bagi memulihkan perniagaan PROTON.

Oleh yang demikian, PROTON sebagai syarikat swasta yang penuh bebas melakukan keputusan perniagaannya dan Kerajaan tidak sama sekali campur tangan atau mempunyai kawalan ke atas mana-mana keputusan perniagaan oleh syarikat swasta termasuk pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sesebuah syarikat . Di samping itu, pelantikan warganegara asing sebagai CEO sesebuah syarikat swasta bukanlah perkara asing memandangkan dunia perniagaan semakin bersifat global.

Menurut PROTON, pelantikan Dr. Li Chunrong yang merupakan wakil syarikat Geely Holding Group dari negara China, sebagai CEO PROTON berkuatkuasa 1 Oktober 2017 adalah keputusan bersama antara kedua-dua pemegang saham syarikat tersebut iaitu DRB-HICOM dan Geely. Pelantikan Dr. Li Chunrong juga adalah berdasarkan kebolehan dan pengalaman beliau dalam industri automotif selama lebih 30 tahun bekerja dengan jenama utama antarabangsa termasuk Honda, Kia dan Dongfeng dalam pelbagai peringkat tertinggi. Pelantikan beliau ini diyakini mampu mempercepatkan pelan pemulihan PROTON sekali gus melonjakkan industri automotif negara ke peringkat global dalam tempoh lima tahun.

Sekian, terima kasih.